

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH  
ALAM ]**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **PERDANA  
MENTERI** menyatakan:

- (a) apakah usaha Kementerian semasa untuk memperkasakan kebebasan maklumat; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk mengambil contoh daripada Enakmen Kebebasan Maklumat di Pulau Pinang dan Selangor dan meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 untuk memperkasakan lagi hak mendapatkan maklumat dalam kalangan masyarakat.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 11 Julai 2018 telah bersetuju supaya Akta Kebebasan Maklumat digubal di peringkat Persekutuan dan pelaksanaan cadangan ini diletakkan di bawah bidang kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) serta turut dibantu oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Matlamat cadangan penggubalan Akta ini adalah untuk memastikan akses masyarakat kepada maklumat sahlah adalah dengan lebih terbuka dan telus.

Susulan keputusan Kerajaan tersebut, BHEUU JPM telah melaksanakan beberapa siri mesyuarat dan sesi libat urus sepanjang Januari 2019 hingga Disember 2021 melibatkan Kementerian/Jabatan/Agensi peringkat Persekutuan dan pihak-pihak berkepentingan seperti CSO/NGO serta Jabatan/Agensi di peringkat negeri termasuk Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang dan Selangor. Beberapa siri bengkel turut diadakan secara kerjasama dengan CSO/NGO sebagai platform terbaik mendengar perkongsian pengalaman daripada pakar-pakar dari negara luar, ahli akademik dan wakil masyarakat sivil mengenai inisiatif pelaksanaan kebebasan maklumat, isu-isu berbangkit, keperluan meminda akta-akta tertentu seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] serta persoalan dasar yang wajar diberi perhatian.

Selain itu, beberapa model perundangan negara luar seperti India, United Kingdom dan Australia berkaitan peruntukan kebebasan maklumat turut diteliti dan dianalisa sebagai sebahagian daripada kajian parameter cadangan gubalan Akta ini. Perbincangan turut diadakan dengan penelitian terhadap Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor dan Pulau Pinang, pelaksanaan dan isu-isu berbangkit berkaitan kedua-dua Enakmen ini.

## NO. SOALAN : 40

Umumnya, kesemua dapatan, input dan pandangan daripada semua sesi libat urus adalah penting sebelum Kerajaan mempertimbangkan kewajaran menggubal Akta Kebebasan Maklumat untuk negara. Dalam hal ini, beberapa persoalan dasar telah dibincangkan, antaranya seperti berikut:

- (i) jenis-jenis maklumat Kementerian/Jabatan/Agensi yang sesuai untuk dikongsikan dengan masyarakat umum;
- (ii) limitasi perkongsian maklumat yang boleh dipertimbangkan dalam konteks Akta Kebebasan Maklumat ini;
- (iii) aspek pelaksanaan jika Akta Kebebasan Maklumat digubal;
- (iv) sama ada penggubalan Akta ini akan bercanggah dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]; dan
- (v) sama ada akta ini masih boleh *co-exist* dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*].

Kesemua dapatan, pandangan dan input daripada semua sesi libat urus yang diadakan akan dimuktamadkan sebagai suatukertas dasar gubalan Akta Kebebasan Maklumat untuk pertimbangan Kerajaan pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.